

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERTANDINGAN AKHIR KEJOHANAN PERBAHASAN ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI ODITORIUM BESAR, WISMA RADIO, ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR PADA 30^{HB} NOVEMBER, 1974

Y.B. Datuk Abdullah Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Penaja, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Dr Mahathir Mohamed, Menteri Pelajaran, Y.B. Menteri-menteri, Ahli-ahli Jawatankuasa dan Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan terimakasih dan penghargaan saya kepada Datuk Abdullah Ahmad dan ahli-ahli Jawatankuasa atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya dan isteri saya, untuk merasmikan Pertandingan Akhir Kejuaraan Perbahasan antara Sekolah-sekolah Berasrama penuh dan juga untuk menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang.

Peraduan seperti ini amatlah besar faedahnya kerana di samping memberi peluang yang sewajarnya kepada penuntut-penuntut menguji kepintaran dan kecergasan memikir dan mengeluarkan hujah-hujah yang bernas di hadapan khalayak ramai, peraduan ini akan juga membangkitkan kesedaran di kalangan penuntut-penuntut tentang perlunya pengetahuan yang luas dan mendalam bagi menguasai sesuatu perbahasan. Saya yakin peraduan ini juga akan dapat menyemaikan semangat persahabatan dan persefahaman di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang berasrama penuh.

Ini adalah penting bagi mewujudkan perpaduan di antara pelajar. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita Kerajaan supaya semangat muhibbah dan persefahaman ini dapat dipupuk di hati sanubari kanak-kanak sejak mereka kecil-kecil lagi terutama mereka yang di bangku sekolah. Saya penuh yakin jika tiap-tiap pelajar samada di sekolah menengah ataupun di pusat-pusat pelajaran tinggi dapat mengamal dan mengekalkan semangat yang sihat ini, maka masa depan negara akan bertambah cerah. Dan dengan demikian, kehidupan mereka pada masa hadapan akan bertambah bahagia dan terjamin.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Latihan berbahas ini, seperti saya sebutkan tadi, boleh memainkan peranan yang positif bagi menjalin perasaan muhibbah di antara satu sama lain. Dan bagi mencapai tujuan tersebut, saya berharap agar bidang perbahasan ini dapat diperluaskan pada tahun-tahun akan datang meliputi semua sekolah-sekolah berasrama penuh di Semenanjung Malaysia termasuklah maktab-maktab khas, Maktab Sains dan Maktab MARA.

Setakat ini sepuluh buah sekolah berasrama penuh yang menyertai pertandingan ini dan pada tahun hadapan sembilan buah lagi sekolah iaitu Sekolah Menengah Sains yang kebetulannya juga berasrama penuh akan juga memasuki pertandingan ini. Saya berharap bilangan sekolah-sekolah yang layak menyertai pertandingan perbahasan ini akan bertambah pada tiap tahun supaya negara akan dapat melahirkan banyak lagi pemedato-pemedato atau debators yang handal-handal.

Saya percaya pertandingan bahas ini akan mendapat sambutan yang baik serta akan mencapai mutu yang tinggi dan saya sukalah melihat supaya diadakan satu rancangan khas dalam rancangan radio dan television Malaysia berkenaan pertandingan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Rancangan mengadakan sekolah-sekolah berasrama adalah satu rancangan kerajaan yang penting untuk memberi peluang dan membolehkan penuntut-penuntut dari kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai bakat dan kecenderungan dalam lapangan pelajaran mendapat kemudahan dan galakan bagi melanjutkan pelajaran mereka. Daripada mula-mula Kerajaan sekarang mengambilalih pentadbiran negara kita pada tahun 1955, pada masa saya mula-mula menjadi Menteri Pelajaran, rancangan ini telah dimulakan kerana didapati pada masa itu murid-murid di sekolah-sekolah Melayu tidak dapat peluang melanjutkan pelajaran. Oleh itu telah diadakan sekolah-sekolah menengah berasrama khas untuk mereka itu dan saya harap bilangan sekolah berasrama ini yang telahpun bertambah akan terus ditambah bilangannya sambil kita mengadakan juga sekolah-sekolah menengah di bandar-bandar kecil dan di kawasan luar bandar. Dengan cara inilah kita dapat memberi peluang belajar yang sama dan sewajarnya kepada kanak-kanak di negara kita, di mana pun mereka berada.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pada pendapat saya, banyak faedah yang boleh didapati daripada sekolah-sekolah berasrama ini kerana dengan penuntut-penuntut dapat duduk bersama-sama, bercampur gaul antara satu dengan lain iaitu penuntut-penuntut yang berasal dari lain-lain negeri dan lain asal keturunan, supaya dengan itu dapatlah mereka mengerti dan memahami kedudukan antara satu dengan lain dan dengan itu akan menguatkan semangat persefahaman dan perpaduan kebangsaan mereka daripada bangku sekolah lagi. Dengan cara ini kita dapat mengurangkan perasaan daerah-daerah dan juga kenegerian dan mengutamakan kepentingan kebangsaan dan negara.

Saya sendiri adalah berasal dari lepasan sekolah berasrama penuh iaitu MCKK—so I am speaking from personal experience—pengalaman saya di MCKK itu adalah menyakinkan saya bahawa sekolah-sekolah berasrama ini sangatlah besar faedahnya kepada kanak-kanak di negara kita ini. Saya berpendapat bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh ini akan menjadi asas bagi memupuk semangat kebangsaan dan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar supaya semangat ini akan tumbuh dengan suburnya di kalangan rakyat di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Tadi Y.B. Datuk Abdullah Ahmad ada menyebutkan iaitu secara kebetulan sahaja murid-murid lelaki dari Sekolah Alam Shah dan murid-murid perempuan dari Sekolah Tun Fatimah yang berjaya masuk ke Pertandingan Akhir ini. Dan, secara kebetulan pula, hakim-hakim peraduan pada malam ini juga adalah terdiri dari dua orang lelaki dan dua orang wanita. Mereka adalah orang-orang yang terkenal, bijak dan mempunyai banyak pengalaman.

Walaupun demikian, tiap-tiap seorang daripada mereka mempunyai lain-lain pandangan. Tan Sri Sheikh Abdullah, Pengerusi Jumaah Pengadil, adalah diketahui umum sebagai jaguh pejuang hak kaum lelaki, tetapi seorang lagi hakim, Encik Ishak Pateh Akhir tidak pula bersetuju dengan falsafah tersebut. Jadi, kedudukan hakim-hakim lelaki adalah seimbang—balancenya ada.

Berkenaan hakim-hakim wanita pula, saya percaya tuan-tuan dan puan-puan kenal dengan Puan Azah Aziz dan juga cara

pemikiran beliau. Beliau adalah di barisan hadapan dalam pergerakan "Women's Lib" dalam negara kita ini. Sebaliknya pula Dr Asmah Haji Omar tidak sebegitu serious dalam pandangan tersebut. Jadi nampaknya kedudukan hakim wanita juga adalah cukup "balance". Oleh itu peserta-peserta tidaklah payah bimbang tentang kedudukan dan kecenderungan para hakim pada malam ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Akhirnya, saya sukalah menyeru kepada penuntut-penuntut golongan yang terpilih ini, yang telah dapat belajar di sekolah berasrama penuh, supaya menggunakan segala peluang yang terdapat bagi meninggikan mutu pelajaran dan kecekapan mereka. Harapan rakyat terutamanya ibu bapa amatlah tinggi supaya mereka benar-benar maju dalam pelajaran mereka sehinggalah meningkat ke pusat-pusat pelajaran tinggi.

Dengan harapan ini, saya dengan besar hati dan gembira merasmikan pertandingan Akhir Kejohanan Perbahasan 1974 antara Sekolah-sekolah Berasrama Penuh ini.

Terima kasih.